



BAB 10: STRATEGI PELAKSANAAN LANDSKAP

PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS PERBANDARAN JASIN



10.0 STRATEGI PERLAKSANAAN LANDSKAP

10.1 PENGENALAN

Strategi pelaksanaan landskap merupakan perkara penting dalam usaha untuk merelisasikan dasar-dasar pembangunan yang dirancang. Perancangan projek mestilah melalui pelbagai peringkat penapisan seperti peringkat daerah, negeri, kementerian dan agensi pusat. Kerjasama pihak kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi pelaksana diperlukan agar kawasan pembangunan landskap yang dibina dapat diselenggara dengan baik dan berkesan supaya pembangunan landskap yang dilaksanakan dapat dinikmati oleh orang ramai sejajar dengan tujuan dan matlamat asal pembangunan.

Strategi pelaksanaan landskap yang berkesan dapat membantu Majlis Perbandaran Jasin dalam merangka dan melaksana program pembangunan landskap yang komprehensif dan terancang. Ia juga membantu Majlis Perbandaran Jasin membentuk imej landskap yang tersendiri iaitu menjadi sebuah daerah yang bercirikan warisan lestari dan pelancongan selain membantu Majlis Perbandaran Jasin mempertingkatkan keberkesanan dalam pengurusan landskap, mengurus, merancang, melaksana dan menyelenggara projek-projek dan kawasan pembangunan landskap.

Tujuan strategi pelaksanaan landskap ini disediakan adalah untuk menjadi panduan dalam merancang, melaksana dan mengurus pembangunan landskap bagi Majlis Perbandaran Jasin secara teratur dan terancang. Ia meliputi kawasan-kawasan terperinci seperti kawasan koridor jalan, pintu masuk sempadan, kawasan sensitif alam sekitar, kawasan pelancongan, taman awam, kawasan bandar dan juga kawasan luar bandar. Strategi pelaksanaan ini adalah berdasarkan kepada beberapa dasar-dasar kerajaan, garis panduan dan juga laporan yang telah dibuat iaitu:-

- i. Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan
- ii. Akta 172, Aktar Perancangan Bandar dan Desa 1976
- iii. Aktar 993, Aktar Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995
- iv. Garis Panduan Landskap Negara
- v. Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi
- vi. Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin

Berdasarkan kepada keluasan tapak kajian, strategi pelaksanaan dicadangkan agar dibahagikan kepada tiga fasa yang akan dijalankan sehingga tahun 2021. Berikut adalah cadangan fasa pelaksanaan mengikut program bagi setiap tiga tahun pelaksanaan.

- i. Program Landskap Tahun 2012-2015 (fasa 1)
- ii. Program Landskap Tahun 2015-2018 (fasa 2)
- iii. Program Landskap Tahun 2018-2021 (fasa 3)

PROGRAM PERANCANGAN, PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN LANDSKAP	F1	F2	F3
A. PEMBANGUNAN LANDSKAP DI PUSAT BANDAR DAN PEKAN KECIL			
1. Bandar Jasin			
2. Bandar Merlimau			
3. Pekan Asahan			
4. Pekan Umbai			
5. Pekan Selandar			
B. PEMBANGUNAN LANDSKAP DI PINTU MASUK PERSEMPADANAN			
1. Batang Melaka – Gemas			
2. Rim-Parit Keliling-Simpang Bekoh			
3. Chochong –Tangkak			
4. Melaka-Muar			
5. Lebu AMJ			
6. Selandar –Alor Gajah			
7. Umbai-Melaka Tengah			
8. Ayer Panas –Hang Tuah Jaya			

C. PERBANGUNAN LANDSKAP DI PUSATPENGANGKUTAN AWAM	F1	F2	F3
1. Terminal Bas dan Teksi Jasin			
2. Terminal Bas dan Teksi Merlimau			
3. Stesen Kereta Api Batang Melaka			
D. PEMBANGUNAN LANDSKAP DI KAWASAN LAPANG DAN REKREASI			
1. Dataran Jasin			
2. Taman Rekreasi Muhibah			
3. Tasik Chin Chin			
4. Hutan Rekreasi Bukit Langsat			
E. PEMBANGUNAN LANDSKAP DI KAWASAN PERLANCONGAN			
1. Muzium Pertanian Jasin			
2. Rumah Tradisional Demang Haji Jaafar			
3. Rumah Tradisional Penghulu Natar			
4. <i>Homestay</i> Anjung Bonda			
5. <i>Homestay</i> Pulai			
6. <i>Homestay</i> Parit Penghulu			

PROGRAM PERANCANGAN, PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN LANDSKAP	F1	F2	F3
E. PEMBANGUNAN LANDSKAP DI KAWASAN PELANCONGAN			
7. Makan Tun Teja			
8. Makan Dato Senara			
9. Masjid Jamek Umbai			
10. Bandar Lama Jasin			
11. Perigi Portugis			
12. Perkampungan Ikan Bakar Terapung Umbai			
13. Medah Ikan Bakar Serkam			
14. Medah Ikan Bakar Anjung Batu			
15. Taman Pertanian Selandar			
16. Melaka Mangga Delite Kampung Kelubi			
F. PEMBANGUNAN LANDSKAP DI KAWASAN INDUSTRI			
1. Taman Perindustrian Merlimau			
2. Kawasan Perindustrial Halal Hub Serkam			
3. Taman Perindustrian Jasin			

PROGRAM PERANCANGAN, PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN LANDSKAP	F1	F2	F3
G. PEMBANGUNAN LANDSKAP DI KAWASAN INSTITUSI			
1. Kolej Komuniti Selandar			
2. Politeknik Merlimau			
3. Kolej Komuniti Jasin			
4. Hospital Jasin			
5. Hospital Merlimau			
6. Ibu Pejabat Polis Jasin			
7. Balai Polis Merlimau			
8. Masjid Asy-Syuja'ah			
H. PEMBANGUNAN LANDSKAP DI KAWASAN PERUMAHAN/ KAMPUNG TRADISIONAL			
1. Taman perumahan Jasin Height			
2. <i>Homestay</i> Parit Penghulu			
3. <i>Homestay</i> Kampung Pulau dan Serkam			

PROGRAM PERANCANGAN, PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN LANDSKAP	F1	F2	F3
I. PEMBANGUNAN LANDSKAP DI KAWASAN SEMULAJADI			
1. Pantai Siring			
2. Hutan Paya Sungai Rambai			
3. Hutan Simpan Bukit Sengeh			
4. Hutan Simpan Batang Melaka			
J. PEMBANGUNAN LANDSKAP DI LIMA KAWASAN TINDAKAN			
1. Pusat Rekreasi Sungai Rambai			
2. Rekabentuk Bandar Jasin			
2a) Taman Warisan Golf			
2b) Taman Rekreasi Lipat Kajang			
2c) Persisir Sungai Kesang			
3. Laman Tiga Budaya			
4. Kawasan Rekreasi Sungai Selandar			
5. Lebu AMJ			

10.2 DAERAH JASIN YANG SEDANG PESAT MEMBANGUN MEMERLUKAN SATU PROGRAM PELAKSANAAN YANG STRATEGIK DALAM MENJAYAKAN PEMBANGUNAN LANDSKAP YANG MENYELURUH, TIGA PERINGKAT PROGRAM PELAKSANAAN TELAH DITETAPKAN IAITU :

10.2.1 Peringkat perancangan

Sesuatu pembangunan landskap, peringkat perancangan merupakan peringkat awal yang penting. Segala perancangan pembangunan perlu selari dengan tema pembangunan landskap bagi Majlis Perbandaran Jasin “Jasin Daerah Warisan Lestari”. Pemilihan konsep pembangunan sesuatu kawasan amat penting dalam menterjemahkan imej dan identiti Daerah Jasin. Perancangan pembangunan bagi tempoh sepuluh tahun ini juga perlu memberi penumpuan kepada kepentingan dan keutamaan dalam mencapai matlamat dan objektif pembangunan. Selain dari konsep pembangunan, setiap perancangan yang dilakukan perlu dirancang agar komponen dan juga elemen landskap yang dicadangkan menggunakan bahan-bahan yang tahan lama, berkualiti, melibatkan kos yang rendah serta kurang penyelenggaraan. Ini bertujuan untuk memaksimumkan impak pembangunan disamping membantu bahagian penyelenggaraan menghasilkan kerja yang efisien dan sistematik.

Pembangunan yang berkaitan dengan landskap haruslah dirancang dan direkabentuk oleh Arkitek Landskap yang beribawa bagi memastikan kualiti landskap yang teratur dan sempurna. Pihak jabatan teknikal seperti Arkitek landskap, Arkitek, Jurutera JKR, Pengawai Perancang Bandar, JPS, dan agensi lain perlu memainkan peranan yang penting dalam mengkoordinasi sesuatu pembangunan supaya setiap pembangunan yang dijalankan dapat kekal untuk jangkamasa yang lama seterusnya dapat menjimatkan kos pembangunan. Pembangunan yang dirancang perlu mengambil kira kesan kepada alam sekeliling.

Perancangan landskap perlu melalui proses kelulusan. Setiap permohonan kelulusan pelan perlu melalui proses seperti yang dinyatakan di dalam bab pengurusan dan penyelenggaraan landskap. Pihak Majlis Perbandaran Jasin perlu memberi komen terhadap cadangan yang dicadangkan. Komen tersebut

meliputi konsep pembangunan, pemilihan pokok-pokok serta pemilihan material yang dicadangkan. Tujuan utama ialah apabila kawasan pembangunan landskap yang telah siap dibina, ia akan memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan oleh pihak Majlis Perbandaran Jasin.

Majlis Perbandaran Jasin juga perlu memberi penekanan kepada peruntukan sepuluh peratus kawasan hijau untuk setiap pembangunan. Penekanan ini penting supaya setiap pemaju akan menyediakan landskap yang telah direkabentuk dalam setiap kawasan pembangunan yang dicadangkannya seterusnya dapat membantu pihak Majlis Perbandaran Jasin mencapai matlamat menjadikan “Jasin Persekitaran Lestari untuk Kehidupan Sejahtera”.

10.2.2 Peringkat pelaksanaan

Peringkat pelaksanaan landskap dapat dijalankan dengan teratur sekiranya ia dirancang dengan betul semasa peringkat perancangan. Kerja pelaksanaan ini boleh dipantau dengan lebih terperinci dan komprehensif dimana kerja-kerja pelaksanaan di masa akan datang dapat dirangka dan disusun mengikut keutamaan dan keperluan sesebuah kawasan.

Pelaksanaan merupakan elemen penting kepada pengurusan strategik pembangunan landskap di Majlis Perbandaran Jasin. Ia dilaksanakan dengan menyediakan program yang bersesuaian dengan mengambilkira strategi dan polisi yang berkaitan. Antara program yang boleh dilaksanakan ialah:

- i. Program penghijauan dan menaiktaraf kawasan lapang sedia ada.
- ii. Program pengindahan dan penghijauan kawasan pusat bandar dan pekan kecil serta kawasan pinggir sungai di kawasan Majlis Perbandaran Jasin.
- iii. Program menaiktaraf landskap bagi jalan-jalan protokol dan pintu masuk persempadanan
- iv. Program menaiktaraf dan pembangunan landskap bagi kawasan pelancongan, institusi, industri, kawasan semulajadi, perumahan dan juga perkampungan desa.

10.2.3 Peringkat pengurusan

Elemen pengurusan adalah perkara penting dalam menentukan pengurusan projek itu efektif dan efisien. Teknik dan peralatan pengurusan dijadikan sebagai elemen kawalan untuk memastikan projek itu akan mencapai matlamat dan objektif. Pada masa yang sama teori mengenai pengurusan landskap dijelaskan. Pengurusan landskap menggunakan garis panduan dan kawalan untuk memastikan projek landskap terlaksana dengan efektif.

Dalam memastikan kejayaan prestasi kejayaan sesuatu projek, teknik pengurusan projek efektif adalah penting. Sumber manusia yang komited diperlukan dalam penggerak sesebuah projek mahupun organisasi. Sistem pengawasan dan pengawalan projek, prosedur dan kawalan direkabentuk untuk mencapai objektif projek dan pengenalpastian serta pengurusan risiko. Peringkat pengurusan lebih memberi penempunan kepada kerja-kerja penyelenggaraan selepas sesuatu projek dapat disiapkan. Majlis Perbandaran Jasin perlu memberi perhatian terhadap manual penyelenggaraan supaya kerja penyelenggaraan yang efisien dapat dilaksanakan. Penyediaan tenaga kerja yang mencukupi amat penting. Selain itu, pekerja yang terlatih dapat memainkan peranan dalam menjadikan landskap Daerah Jasin dalam keadaan terjaga, indah dan ceria serta sejahtera.

Dalam skop pengurusan kerja, pegawai hortikultur diperlukan bagi mengawal kerja-kerja pelaksanaan dan penyelenggaraan landskap. Sistem pengendalian landskap oleh Pihak Berkuasa Tempatan perlu dipertingkatkan manakala, bilangan pekerja yang mahir dan separa mahir dengan kerja-kerja mengurus penanaman, merancang, menyelia kerja dan penyendalian perlu ditambah. Pihak Majlis Perbandaran Jasin juga perlu menggalakkan pihak swasta menceburkan diri dalam industri nurseri keranainsentif kerja-kerja landskap yang kian bertambah. Aspek pengurusan pembangunan alam sekitar turut diambil kira dalam strategi pelaksanaan landskap. Keseimbangan ekologi boleh dipelihara melalui penguatkuasaan akta yang mengawal kemusnahan alam semulajadi. Pihak Majlis Perbandaran Jasin perlu meminimalkan pembangunan aktif supaya pencemaran yang terhasil dari pembangunan tersebut tidak merosakkan ekologi.



Dalam memastikan alam sekitar terpelihara dengan sistem pembuangan sampah cekap dan teratur, jadual pembuangan yang sistematik perlu disediakan selain penggunaan bahan kimia yang memerbahaya kepada alam semulajadi. Setiap perancangan pembangunan harus mengambilkira kawasan sensitif dalam memastikan keadaan alam sekitar setempat tidak terganggu. Kawasan sensitif dan hutan juga perlu diselaraskan dengan keadaan semulajadi sedia adanya.

10.3 KAEDAH PELAKSANAAN

Dalam merealisasikan matlamat pembangunan yang dirancang, pelaksanaan sesuatu pembangunan perlu mempunyai kaedah yang tersendiri. Kaedah ini sesuai digunakan sebagai satu platform yang menjadigerak kerja pembangunan yang dirancang. Strategi pembangunan landskap perlu bersandarkan kepada tiga pendekatan asas iaitu pembangunan, pemeliharaan dan juga pemuliharaan. Pembangunan fizikal dan alam sekitar merangkumi proses perubahan daripada kawasan sedia ada kepada kawasan baru. Pembangunan ini haruslah selari dengan konsep pembangunan landskap daerah serta bermanfaat kepada semua pihak. Pembangunan fizikal termaksudlah menyediakan jaringan hijau untuk sistem ekologi bandar, mempelbagaikan aktiviti dikawasan semulajadi yang menjadi tarikan pelancong dan juga perlu menonjolkan imej bandar melalui elemen landskap lembut dan juga landskap kejur.

Pendekatan pemeliharaan merupakan usaha yang dilakukan untuk mengekalkan keadaan asal supaya dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang. Usaha ini dilakukan terhadap dua komponen utama iaitu bagi faktor alam sekitar dan juga budaya. Sumber ekologi dikekalkan bersama dengan sumber semulajadi seperti hutan, pantai dan juga paya bakau.

Bagi menggalakkan penglibatan pihak swasta, dicadangkan agar pembinaan kawasan rehat seperti, "pocket park" dibandar dibiayai oleh pihak-pihak swasta terbabit. Program seperti projek landskap angkat juga boleh melibatkan pihak swasta dengan penyelidikan taman awam atau tumpuan pelancong. Penglibatan masyarakat kampung juga mampu melonjakkan pembangunan landskap daerah melalui program penanaman pokok yang boleh membentuk identiti landskap bagi kampung tersebut. Selain ini, aktiviti menanam pokok melalui program bumi hijau juga sesuai dijalankan di peringkat sekolah-sekolah

dimana Jabatan Pertanian boleh menyediakan benih atau anak pokok untuk ditanam oleh pelajar-pelajar sekolah dan juga guru.

Pihak Majlis Perbandaran Jasin juga disarankan agar mengadakan hari landskap daerah dimana sambutan ini bertujuan mempromosikan industri landskap kepada masyarakat. Bagi menjayakan program ini, beberapa pertandingan boleh diadakan seperti pertandingan landskap antara kampung, antara institusi, dan juga pihak swasta. Dalam sambutan hari landskap daerah ini, antara aktiviti lain adalah program bumi hijau, bengkel pengurusan dan penyelenggaraan landskap, seminar di peringkat sekolah atau jabatan kerajaan.

10.4 RUMUSAN

Pengurusan yang cekap dan teratur dapat menjamin keberkesanan strategi pembangunan landskap yang dirancang. Penubuhan Jabatan Landskap dan Rekreasi merupakan salah satu langkah utama di dalam menjayakan matlamat pengurusan yang lebih mantap, keupayaan lebih efektif seterusnya menangani keperluan dan cabaran tugas pada masa akan datang. Pembentukan organisasi yang bersistem dengan pembahagian tugas yang efisien dan bersesuaian dengan tanggungjawab dapat membantu pihak pengurusan Majlis Perbandaran Jasin menjayakan matlamat pembangunan landskap Daerah Jasin dan juga mencapai wawasan pentadbiran majlis pentadbiran itu sendiri.